

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
BIL. 11 TAHUN 2018**

Tarikh : 22 November 2018 (Khamis)

Masa : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh YM Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik, Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

Puan Yang Dipertua memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh MPSJ yang ke 11/2018. Seterusnya beliau menyampaikan beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pelaksanaan program-program yang telah berlangsung sepanjang bulan November 2018 dengan jayanya. Gambar-gambar sorotan semasa program dilaksanakan juga ditayangkan.

- ii) Dalam menghampiri penghujung tahun ini, masih terdapat pelbagai cabaran yang perlu dihadapi. Antaranya isu yang semakin hangat diperkatakan iaitu isu diperingkat Nasional dan juga peringkat Negeri mengenai isu *ICERD*. Isu ini telah diputarbelitkan dan telah menjadi satu isu deskriminasi perkauman yang besar. Sehubungan dengan itu, sebagai penjawat awam dan juga Ahli Majlis perlu memahami isu ini dengan jelas supaya dapat menerangkan kepada masyarakat agar tiada kekeliruan dan kekecohan yang timbul. Sebagai contoh tentang arahan penyaragaman Bahasa Malaysia di semua papan tanda jalan juga telah diputarbelitkan di media sosial dengan pelbagai isu. Oleh itu, perlu ada satu kefahaman bahawa papan tanda di Malaysia adalah menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kawasan di kampung tradisi yang masih mengekalkan tulisan Cina atau Jawi memandangkan untuk mengekalkan identiti kampung tradisi tersebut. Namun bagi laluan utama atau jalan protokol seharusnya mengekalkan dengan tulisan Bahasa Malaysia sahaja, sepertimana arahan D.Y.M.M. Sultan Selangor yang telah dikeluarkan pada 19 November 2018.
- iii) Pencapaian kerja tahunan berdasarkan sasaran kerja tahunan bagi semua kakitangan MPSJ termasuk Ahli Majlis MPSJ perlu dilihat supaya semua sasaran kerja telah berjaya dilaksanakan. Pengukuran terhadap pencapaian dan pelaksanaan juga perlu dibuat bagi memastikan impak pelaksanaan sekaligus memastikan penyampaian perkhidmatan dapat memenuhi kehendak *stake holders* MPSJ.
- iv) Pemakluman Pengisytiharan Kepentingan Peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan dan hendaklah berkecuali dengan (menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika) semasa

perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.

v) Pencapaian dan kejayaan yang telah diperolehi MPSJ seperti berikut :

- Majlis Pentauliahahan Akrab Tahun 2017, Anugerah Akrab Dan Anugerah Penarafan Bintang Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi (SKPPsi) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah diadakan pada 21 November 2018 (Rabu) di Shah Alam Convention Center.

Majlis ini bertujuan untuk mengangkat perkhidmatan psikologi dan kaunseling melalui kewujudan Pusat Kaunseling Selangor. Di dalam majlis ini MPSJ telah berjaya menerima 3 anugerah seperti berikut :

- i. Tempat pertama bagi Anugerah Penarafan Lima (5) Bintang Naziran Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi (SKPPsi) bagi Tahun 2018
 - ii. Anugerah AKRAB Inovatif bagi Kategori AKRAB Organisasi
 - iii. Anugerah AKRAB Individu (Ketegori AKRAB Proaktif) telah dimenangi oleh Tuan Haji Mohd Haizi bin Harun, Penolong Pengarah Kanan Jabatan Kejuruteraan MPSJ.
- Majlis Apresiasi Inovasi Peringkat Negeri Selangor dan Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2018 telah diadakan pada 15 November 2018 bertempat di Dewan Jubli Perak Bangunan SUK Selangor. MPSJ telah meraih beberapa anugerah

melalui penyertaan Pasukan KIK MPSJ dengan pencapaian seperti berikut :

- i. Naib Johan Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan)
 - ii. Anugerah Inovasi Negeri Selangor Tahun 2018 :
Hadiah Utama Kategori Pihak Berkuasa Tempatan
 - iii. Anugerah Inovasi Negeri Selangor Tahun 2018 :
Anugerah Khas Produk Akhir Terbaik
- Annual Productivity & Innovation Conference And Exposition (APIC) 2018 anjuran Malaysia Productivity Centre (MPC) telah diadakan pada 13-15 November 2018 di Sunway Pyramid Convention Centre. MPSJ telah menghantar 2 Pasukan KIK iaitu kumpulan Beyond Boundaries dan D'Planners dan kedua-dua kumpulan telah berjaya memperolehi pencapaian Emas 4 Bintang.
- vi) Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda). Agenda ini menggunakan *Tagline Leave No One Behind* serta menggariskan 5 aspek utama pembangunan bandar mengikut piawaian global dalam mencorakkan hala tuju pembangunan dan kesejahteraan ke arah bandar inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan dalam tempoh 30 tahun akan datang iaitu:
- Dasar Perbandaran Negara (National Urban Policy);
 - Perundangan dan Peraturan Perbandaran (Urban Legislation Rules and Regulation);
 - Reka Bentuk dan Perancangan Perbandaran (Urban Planning and Design);
 - Sistem Kewangan Majlis Perbandaran dan Ekonomi Bandar (Urban Economy and Municipal Finance); dan
 - Pelaksanaan Tempatan (Local Implementation).

MPSJ telah memperbanyakkan program-program inklusif seperti program untuk wanita, kanak-kanak, golongan orang kurang upaya dan program golongan B40.

Agenda ini menawarkan satu anjakan paradigma dalam cara berfikir, membina dan mewujudkan rantaian rakan pembangunan dalam menguruskan bandar-bandar pada masa akan datang secara holistik dan mampan. Antara aspek lain yang digariskan dalam dokumen tersebut adalah struktur tadbir urus, kemasukan sosial, pembangunan spatial, kemakmuran bandar dan kelestarian persekitaran. Selaras dengan itu, 8 komitmen telah digariskan seperti berikut :

- Menyediakan perkhidmatan asas untuk semua penduduk.
 - Memastikan semua penduduk mempunyai akses kepada peluang sama rata dan tidak menghadapi sebarang diskrimasi.
 - Menggalakkan langkah-langkah bandar bersih.
 - Mengukuhkan daya tahan di bandar untuk mengurangkan risiko dan kesan bencana.
 - Menangani perubahan iklim dengan mengurangkan pelepasan gas rumah hijau.
 - Menghormati hak pelarian, pendatang dan orang pelarian tanpa mengira status penghijrahan.
 - Meningkatkan hubungan dan menyokong inisiatif inovatif dan hijau.
 - Menggalakkan keadaan selamat, kemudahsampaian dan ruang awam.
- vii) Kerajaan Negeri Selangor telah merangka Pelan Strategik Negeri Selangor bagi tempoh lima tahun iaitu daripada 2019-2023. Visi Kerajaan Negeri adalah Maju Bersama Rakyat dan Misi adalah Masyarakat Produktif dan Berdaya jelas menunjukkan inclusiveness yang mengambil kira kebajikan, kesejahteraan dan kelestarian

Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah merangka lima teras strategik iaitu:

- Membangun Ekonomi Rakyat
- Kesalinghubungan Masyarakat
- Memperkasa Social Safety Net
- Good Governance
- Kelangsungan Fiskal (Kewangan)

viii) Tempoh Publisiti Dan Penyertaan Awam bagi Draf Rancangan Tempatan Subang Jaya (RTSJ 2035) yang akan berakhir pada 12 November 2018 telah dilanjutkan sehingga 12 Disember 2018 untuk memberi peluang kepada penduduk dan orang awam serta pihak berkepentingan mengemukakan bantahan atau cadangan di dalam rancangan tersebut.

ix) Program-program yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

i) Temuduga Pencalonan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPSJ 2018/2020

Sesi Temuduga untuk calon Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) MPSJ bagi tahun 2018/2020 akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 22 November 2018 (Khamis)
Masa : 2.00 - 5.00 petang
Lokasi : Bilik Mesyuarat 1, MPSJ

ii) Program 'Big Girls Talk'

Program Big Girls Talk akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 24 November 2018 (Sabtu)
Masa : 8.00 Pagi – 1.00 Tengah Hari
Tempat : Kompleks 3C, Bandar Sunway

Program ini telah mendapat peruntukan dari Kerajaan Negeri Selangor. Objektif program adalah untuk membantu gadis-gadis remaja membuat pilihan bijak mengenai tingkah laku yang berisiko tinggi seperti penglibatan gejala seksual sebelum perkahwinan, bercinta, keganasan, gangguan seksual, eksploitasi dan lain-lain. Selain itu, program ini juga dapat meningkatkan kesedaran dan sensitiviti kepada masyarakat serta keluarga.

iii) Perlawanan Akhir Bola Sepak Piala YDP MPSJ

Pertandingan ini akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 25 November 2018 (Ahad)
Masa : 8.00 Malam
Tempat : Arena MPSJ, USJ 5
Pasukan
bertanding : JKP 7 vs JKP 12

iv) Perlawanan Akhir Liga Bola Sepak JKP Dan PeBT MPSJ 2018

Pertandingan ini akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 02 Disember 2018 (Ahad)
Masa : 8.00 Malam
Tempat : Arena MPSJ, USJ 5
Pasukan
Bertanding : JKP 5 vs JKP 7

v) Program Audit Zon Bersih JKP MPSJ 2018

Program ini akan diadakan seperti berikut :

Tarikh : 24 Disember 2018 (Sabtu)
Masa : 8.00 Pagi – 6.00 Petang
**Lokasi: JKP Zon 7, JKP Zon 9,
JKP Zon 16 dan JKP Zon 22**

Objektif program adalah mewujudkan kawasan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ yang bersih, cantik dan harmoni serta mementingkan sifat 'Go Green' selaras dengan objektif Majlis Perbandaran Subang Jaya. Disamping itu, Zon Bersih ini juga dapat memupuk penglibatan masyarakat dalam usaha untuk menjadikan kawasan JKP mereka seiring dengan visi MPSJ iaitu menjadi Perbandaran Bestari, Kota Niaga dan Kediaman Idaman pada 2030. Terdapat 6 kriteria utama pemarkahan seperti berikut:

BIL	KRITERIA UTAMA
1	Penganjuran Program Kemasyarakatan
2	Pengurusan Inden JKP dan Peruntukan Zon Bersih
3	Pemantauan Kebersihan Persekitaran
4	Pemantauan Kesihatan Awam
5	Dokumentasi
6	Inovasi

Sebanyak empat (4) Jawatankuasa Penduduk (JKP) yang bertanding pada tahun ini iaitu:

JKP	AHLI MAJLIS
7	Encik Mohd Tarmizi Bin Lazim
9	Encik Mohd Saifullah Bin Mohd Zulkifli
16	Encik Yap Kok Weng
22	Encik Tai Cheng Heng

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 10/2018

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 10 Tahun 2018 yang telah diadakan pada 25 Oktober 2018 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 21/2018 bertarikh 7 November 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.2 & m/s 3	Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh	Permohonan Kebenaran Merancang Eagles Convention Centre Sdn. Bhd	Beliau memohon penjelasan mengenai maksud permohonan membuat perubahan kepada institusi swasta. Maklum balas : Puan Yang Dipertua menjelaskan bahawa

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>syarikat ini membuat permohonan untuk membina institusi sekolah dari tadika sehingga sekolah rendah di kawasan industri.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 10/2018 bertarikh 8 November 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.7 & m/s 18	-	Program Memberdaya Komuniti di Pangsapuri Enggang dan Bukit Puchong	<p>Puan Yang Dipertua membuat perkongsian tentang program memberdaya komuniti yang telah dilaksanakan di Pangsapuri Enggang dan Bukit Puchong. Beliau meminta bagi tahun 2019, Ahli Majlis kawasan melaksanakan program turun padang di pangsapuri kos rendah yang terdapat di kawasan masing-masing serta berbincang dengan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>ketua kawasan tentang masalah komuniti yang dihadapi. Seterusnya MPSJ akan membantu dengan cara <i>networking programmed</i> dan <i>crowd sourcing</i>.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Bil. 09/2018 bertarikh 8 November 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	-	-	<p>Mesyuarat telah memutuskan bahawa mesyuarat ini adalah mengenai perbincangan berkaitan hal dan isu-isu pengurusan dalaman MPSJ sahaja, maka minit mesyuarat ini tidak terbuka kepada orang awam dan akan kekal bertaraf TERHAD.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Audit Dalam</p>

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 10/2018 bertarih 12 November 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 10/2018 bertarih 12 November 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.3 & m/s 24	Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh	Projek Penswastan di antara MPSJ dan Syarikat Realiti Padu Sdn. Bhd.	Beliau memohon penjelasan lanjut berhubung perkara ini. Maklum balas : Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa Ahli Majlis boleh melihat laporan yang terdahulu berkaitan projek ini bagi mendapatkan maklumat terperinci. Penjualan unit hartanah tersebut adalah tertakluk kepada keputusan MPSJ dan bukannya syarikat tersebut. Makluman

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 5.13 & m/s 22	Encik Wong Yi Siang	Cadangan Kutipan Letak Kereta Di Kawasan Baharu Di Kawasan Pentadbiran MPSJ	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan perkara tersebut.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa kawasan baharu perlu diwartakan terlebih dahulu sebelum dilaksanakan kutipan bayaran. Senarai kawasan baharu akan dibentangkan secara terperinci kepada ahli mesyuarat agar ahli mesyuarat maklum tentang kawasan yang bakal dikenakan bayaran dan keputusan untuk dikenakan kutipan atau tidak akan dibuat. Kaedah yang dipilih adalah secara kupon dan e-parking daripada pihak Godell.</p> <p>Tindakan : Jabatan Perbendaharaan</p>
3.	Para 5.11 & m/s 19	Encik Yap Kok Weng	Majlis Anugerah JKP dan Zon Bersih MPSJ 2018	Beliau ingin tahu kenapa keputusan ini tidak dimasukkan peruntukan hadiah untuk Zon Bersih.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Maklum balas:</p> <p>Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat memaklumkan bahawa kertas mesyuarat ini adalah bajet untuk pelaksanaan program sahaja dan peruntukan hadiah Zon Bersih telah dibentangkan sebelum ini dan telah mendapat kelulusan.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kawalan Perniagaan Bil. 10/2018 bertarikh 13 November 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	-	Encik Yap Kok Weng	Cadangan Pelaksanaan Program Pemutihan (2.0) di Kampung Tradisi dalam Kawasan Pentadbiran MPSJ	<p>Beliau memohon projek pemutihan dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa akan datang.</p> <p>Maklum balas :</p> <p>Puan Yang Dipertua memaklumkan bahawa</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				bengkel pemutihan akan dilaksanakan bagi membincangkan syarat-syarat dan garis panduan yang perlu diteliti. Perkara ini akan dibentangkan dalam mesyuarat jawatankuasa. Tindakan : Jabatan Pelesenan

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat MPSJ Bil. 08/2018 bertarikh 19 November 2018

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut

6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT/KERTAS MAKLUMAN

6.1 LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MPSJ BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Kertas mesyuarat ini disediakan oleh Jabatan Perbendaharaan dan telah dibentangkan oleh Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat , Pengarah Perbendaharaan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju** menerima pembentangan kertas mesyuarat tersebut.

7.0 PENUTUP

Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Disember 2018** akan diadakan pada **20 Disember 2018 (Khamis)** jam 10.00 pagi.

Tarikh Disediakan : 22 November 2018

" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Yang Dipertua | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Perbandaran Mesyuarat | - | Setiausaha |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 5. | Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |
| 7. | Encik M Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 8. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 9. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 10. | Encik Ismail Kamal bin Abdul Rahman | - | " |
| 11. | Encik Keshminder Singh a/l K.Karam Singh | - | " |
| 12. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 13. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

14.	Encik Chia Yew Ken	-	"
15.	Encik Tai Cheng Heng	-	"
16.	Encik Thamilarasu Sandayan	-	"
17.	Encik Wong Yii Seang	-	"
18.	Encik Lee Jen Uyin	-	"
19.	Puan Ng Seow Chen	-	"
20.	Encik Abbas Salimmi bin Che Adzmi @ Azmi	-	"
21.	Encik Koh Eng Kee	-	"
22.	Dato' Kamaruzaman bin Ibrahim	-	"
23.	Encik Ahmad Faidzal bin Mohamed	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. Tuan Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N, A.M.S
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusof
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

5. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
7. Puan Hjh Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Hjh. Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
11. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
14. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
15. Encik Muhd Hasnizam bin Hassan

Pengarah, Jabatan COB

16. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
17. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
18. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Encik Azfarizal bin Abd Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
22. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Puan Kavitha a/p Chandragesan - Ahli Majlis
2. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - Ahli Majlis
3. Encik Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

URUS SETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Norawalia binti Shafiai
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan